


Prof. Madya Dr. Layth Su'ud Jasim

Khidmat Masyarakat

Peranan Wanita Di Zaman Rasulullah s.a.w



PUSTAKA SALAM

Khidmat Masyarakat

Peranan Wanita Di Zaman Rasulullah s.a.w

Dr Layth Su'ud Jasim
Profesor Madya Sejarah Islam (UIAM)

Khidmat Masyarakat

Peranan Wanita Di Zaman Rasulullah s.a.w.

Penterjemah:
Anwar Fakhri Omar
Pensyarah di Jabatan Syariah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Penerbit;

PUSTAKA SALAM SDN BHD

No 18, Jalan 34/10A, Kawasan Perindustrian IKS
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur
Tel: 03-61869469, Faks: 03-61875436

HAKCIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apapun cara, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

ISBN: 967-975-413-8

Harga Semenanjung: RM 8.50

Pencetak;

PROSPECTA PRINTERS SDN BHD

No 18, Jalan 34/10A, Kawasan Perindustrian IKS
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur

tidak lagi bersama dengan kekayaan ekonomi
yang ada pada hari ini. Namun sebaliknya
keadaan ini yang mendorongku untuk mencari
AL-QUR'AN dan mengalihaksarakan kembali

semua pengetahuan dan ilmu pengetahuan
yang ada pada hari ini. Dengan demikian
dapat dikatakan bahwa pengetahuan dan ilmu
pengetahuan yang ada pada hari ini

DEDIKASI

Kepada kedua ibu bapaku
(semoga Allah merahmati keduanya),
isteriku dan anak-anakku serta setiap
orang yang melakukan kebaikan,
saya hadiahkan tulisan ini.

Layth

KATA-KATA ALUAN

Alhamdulillah di atas segala nikmat kurniaan-Nya. Maha Suci Allah yang menjadikan lelaki dan wanita dengan tugas dan peranan masing-masing dalam misi melaksanakan tugas khalifah Allah di atas muka bumi ini.

Isu peranan wanita muslimah khususnya dalam sektor ketiga dalam masyarakat atau lebih dikenali sebagai Non Government Organisation (NGO) adalah antara isu yang jarang dibincangkan secara ilmiah dan akademik. Apatah lagi perbincangan yang bersandarkan sumber-sumber rujukan yang 'original' dan berwibawa khususnya yang berkaitan dengan zaman Rasulullah S.A.W sendiri.

Penulis buku ini berusaha mengemukakan segala aktiviti kemasyarakatan yang pernah dilakukan oleh para sahabat di zaman Rasulullah S.A.W.. Buku ini berjaya memberikan gambaran sebenar dan praktikal terhadap peranan dan aktiviti wanita muslimah generasi awal bersama-sama dengan para lelaki muslim (sahabi) untuk membangunkan aspek-aspek kemasyarakatan yang lebih sesuai dan intim dengan mereka. Malah tidak keterlaluan kalau disimpulkan bahawa golongan wanita berbeza dengan golongan lelaki. Mereka lebih berwibawa dalam kerja-kerja kemasyarakatan kerana mempunyai beberapa keistimewaan daripada sudut kesediaan, kemampuan, sifat-sifat keperibadian, kejiwaan dan perasaan yang berbeza dengan kaum lelaki".

Oleh kerana buku ini bertitik tolak daripada sumber-sumber hadith yang juga berkait rapat dengan sejarah awal Islam, ia perlu difahami dan ditelaah supaya dapat memberi gambaran sebenar bagaimana bentuk peranan dan penglibatan wanita Islam dalam masyarakat. Mungkin contoh-contoh yang dikemukakan dalam buku ini berdasarkan sejarah sebenar.

Justeru, tidak lagi sesuai dengan bentuk aktiviti kemasyarakatan yang ada pada hari ini. Namun beberapa prinsip agung yang dicetuskan oleh contoh-contoh klasik boleh digunakan dalam membuat satu gagasan peranan dan keterlibatan wanita muslimah dalam aktiviti kemasyarakatan pada hari ini.

Sesungguhnya Islam menggalakkan umatnya supaya kreatif dan inovatif dalam melakukan amalan kebaikan sesuai dengan tuntutan syarak dan keadaan setempat. Konsep amal soleh yang luas dan tidak bertepi membuka peluang kepada wanita muslimah pada hari ini untuk tampil ke hadapan memikul tanggungjawab kemasyarakatan. Sumbangan wanita muslimah amat diperlukan dalam bidang dan aspek tertentu. Mungkin kaum lelaki tidak begitu berkemampuan didorong oleh faktor-faktor tertentu. Persoalan tentang *abjadiat* dan susun cara seseorang wanita muslimah untuk bangun dan tampil dalam masyarakat, Insya Allah akan dijawab oleh buku yang cukup bernalas ini.

Semoga Allah membalaus usaha penulis dan semoga Allah mengeluarkan dari masyarakat ini wanita-wanita muslimah untuk meneruskan tradisi Asma' binti Yazid, Ramlah binti al-Harith, Rufaydah binti Kaab dan ramai lagi serikandi wanita muslimah pertama yang terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar

Dekan,

Pusat Pengajian Siswazah,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

KATA-KATA ALUAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Solawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhamad S.A.W., para anbiyah dan para ulama.

Setelah membaca dan meneliti buku "Khidmat Masyarakat: Peranan Wanita Pada Zaman Rasulullah S.A.W." karangan teman saya Dr. Laith Su'ud Jasim, saya berpendapat buku ini patut dibaca dan dimiliki oleh semua wanita terutama mereka yang berkecimpung dalam pertubuhan masyarakat dan kumpulan kebajikan.

Buku ini memberi satu pendedahan dari dimensi baru tentang sejarah kehebatan wanita dalam masyarakat Islam terawal. Sumbangan dan peranan wanita yang dikupas dari sudut sejarah ini dapat dijadikan panduan agar tidak tersasar dari batas-batas yang diperuntukkan Islam untuk mereka.

Sudut khidmat masyarakat yang melibatkan wanita dikupas oleh penulis dengan menggarap dari berbagai fokus. Ia memperlihatkan bahawa shahsiah yang sepatutnya dimiliki oleh wanita mestilah bersepada. Tidak hanya membuat kebajikan semata tetapi mereka juga terlibat dalam bidang seni seperti nyanyian di atas landasan syarak.

Penglibatan wanita dalam bidang ini juga tidak menghambat mereka sehingga lupa pada tanggungjawab khusus yang ditentukan Allah untuk wanita.

Tahniah kepada penulis atas usaha menulis buku ini dalam bahasa yang mudah difahami dan dilengkapi dengan contoh-contoh untuk menjadi panduan bagi wanita dalam menjalankan amalan kebajikan.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim
Penolong Profesor,
Jabatan al-Qur'an dan Sunnah,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

KATA-KATA ALUAN

Saya berasa amat berbangga kerana diberi kepercayaan untuk menulis kata pengantar bagi sebuah tulisan yang bertajuk 'Khidmat Masyarakat: Peranan Wanita Pada Zaman Rasulullah S.A.W.'. Buku ini mempunyai kualiti yang tinggi kerana penjelasannya sistematik sama ada dari aspek isi kandungan dan juga metodologinya.

Terdapat sesetengah penulisan tentang peranan dan kedudukan wanita dalam Islam yang tidak jelas lantas mengelirukan pemikiran pembaca. Penampilan buku ini dengan pendedahan yang jelas dapat memberi pengetahuan dan gambaran yang sebenar tentang kedudukan dan peranan wanita dalam Islam.

Hasil tulisan ini telah mengengahkan betapa pentingnya peranan wanita dalam rangka khidmat kemasyarakatan, sesuai dengan fitrah kejadian wanita itu sendiri. Ia telah menyerlahkan keunikan, keindahan, kesyumulan dan keharmonian Islam sebagai agama sejagat.

Nabi Muhammad S.A.W. telah merealisasikan Islam sebagai agama yang berlandaskan tauhid. Prinsip tauhid telah menyatu dan menyeimbangkan peranan lelaki dan wanita tanpa sebarang konflik persaingan sebagaimana yang dialami oleh masyarakat Barat dan golongan yang mengikuti cara hidup mereka. Sebaliknya, Islam meletakkan peranan mereka saling lengkap-melengkapi.

Melalui contoh teladan yang dipaparkan oleh Rasulullah S.A.W., Islam bukan sahaja menggariskan peranan wanita dalam khidmat kemasyarakatan dengan jelas, tetapi juga menekankan sifat-sifat dan syarat-syarat tertentu bagi kaum wanita supaya penglibatan dan perjuangan mereka berlandaskan Islam. Kejahilan dan kekeliruan tentang kedudukan dan peranan wanita boleh membawa kepada

fahaman yang ekstrim seperti feminism dan kolot terhadap wanita.

Melalui teladan yang dipaparkan oleh Rasulullah dan para sahabat dan dibuktikan oleh masyarakat Islam pada masa itu. Melalui landasan ukhuwwah, pengamalan alturistik atau 'helping behaviour', kasih sayang ditonjolkan menerusi sifat-sifat mulia seperti, tolol menolong, bantu membantu, persefahaman dan simpati. Sifat-sifat murni ini menangkis sifat-sifat keji seperti bersaing untuk menjatuhkan pihak yang lain disebabkan permusuhan dan kebencian di antara satu sama lain.

Sebagai sebuah agama fitrah, Islam telah mengatur hidup para penganutnya ke arah kesejahteraan, keharmonian dan kedamaian. Ini dapat dilihat menerusi aktiviti dan sikap para sahabat dalam mengurus kehidupan sehari-hari yang mengambil kira aspek kesihatan, kesejahteraan, hiburan malah kecantikan.

Akhir kata, cabaran modenisasi rata-rata telah menggugat sistem sosial dan institusi kekeluargaan masyarakat Islam. Dalam hubungan ini, wanita Islam sewajarnya merasa terpanggil untuk memberi dan meningkatkan lagi sumbangan dalam pelbagai aspek kemasyarakatan mengikut lunas-lunas yang dibenarkan.

Dr. Fatimah Abdullah

Pensyarah

Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

KANDUNGAN

Pendahuluan	11
MUKADIMAH	15
Definisi Amal Salih	18
Kepentingan Kajian Sejarah Bagi Mengenalpasti Aktiviti-Aktiviti Kemasyarakatan Serta Pengukuhannya Dalam Masyarakat Islam	22
Definisi Khidmat Masyarakat	25
BAB 1: PENEGAKAN NEGARA ISLAM MADINAH DAN PENUBUHAN INSTITUSI	27
Pertama: Institusi masjid	28
Kedua: Institusi Pendidikan	28
i. Masjid Nabawiyy	28
ii. Dar al-Qurra' 24 (Kelas al-Quran)	28
iii. Al-Suffah	29
Ketiga: Institusi Sosial	33
i. Institusi-Institusi Yang Berhubung Dengan Masjid	34
a. Suffah Lelaki (Institusi Khidmat Masyarakat Yang Menyeluruh)	34
b. Suffah Wanita Atau Badan Kebajikan Wanita	37
c. Rumah Tetamu	38
d. Penjara Wanita	41
e. Institusi Khidmat Kesihatan	42
ii. Aktiviti Kemasyarakatan Lain Melalui Masjid	44
a. Pertandingan Minda Dan Pengetahuan	47
b. Mendeklamasikan Syair	48
c. Memanah	49
d. Bermain Lembing di Masjid	50

BAB 2: PERANAN WANITA DALAM KHIDMAT MASYARAKAT	53
<i>Paksi Pertama: Menubuh dan Mengaktifkan Institusi Khidmat Kemasyarakatan</i>	55
i. Penubuhan Badan Kebajikan (Suffah Wanita)	55
a. Menuntut ilmu	56
b. Aktiviti Pekerjaan	60
c. Aktiviti Memelihara Alam Sekitar	68
d. Mengadakan Perayaan, Sambutan, Bernasyid dan Menyanyi	69
e. Menghadiri Perhimpunan Tergempar dan Penting	80
ii. Membina Rumah Tetamu Dan Membayarainya Para Sahabat Wanita Yang Menyumbang	88
<i>Paksi Kedua: Pembiayaan Projek dan Institusi Kemasyarakatan</i>	89
i. Perundangan Islam dalam bidang harta	91
ii. Peranan Wanita Dalam Pembiayaan Projek Kemasyarakatan	92
	100
BAB 3: NATIJAH PERANAN WANITA DALAM KHIDMAT MASYARAKAT	109
RUJUKAN	112

PENDAHULUAN

Sejarah Islam telah menggambarkan perjalanan agama Islam dalam realiti kehidupan. Ia juga menggambarkan tindak balas yang berlaku antara ajaran agama yang rabbaniy ini dengan manusia, alam dan kehidupan. Natijah tindak balas tersebut ialah kewujudan tamadun yang hidup ini. Tamadun yang sentiasa memberikan jasanya dan memenuhi segala kehendak serta keperluan manusia. Tamadun ini turut memenuhi dan menyahut segala tuntutan fitrah yang serasi dengan impian manusia pada setiap situasi dan ketika.

Sudut kemasyarakatan yang dibentuk oleh Islam berdasarkan ajaran yang rabbaniy ini sentiasa menjadi matlamat yang memerlukan pendedahan dan pembentangan yang baik. Ini perlu sentiasa dilakukan agar proses pembentukan realiti melalui potensi sejarah yang terkumpul (juga dianggap sebagai khazanah berharga umat Islam yang tidak dimiliki oleh umat lain) dapat dibongkar dan didedahkan. Terutamanya dalam bidang khidmat masyarakat. Lebih tepat lagi peranan serta saham yang diberikan oleh kaum wanita Islam dalam bidang ini. Ia akan menjelaskan kepada kita pencapaian sebenar dan bentuk-bentuk peranan yang dimainkan dengan berkesan oleh mereka dalam bidang tersebut. Aspek ini masih kurang dibicarakan. Rata-rata membicarakannya dalam skop yang memperkecil-kecilkan peranan wanita. Ini kerana seseorang yang melampau hanya memandang dari sudut yang sempit dan pandangan yang tidak menyeluruh.

Tulisan ini bertujuan mendedahkan sudut tersebut. Terutamanya aspek yang berhubung dengan khidmat kemasyarakatan. Ia bertitik tolak daripada konsep amal salih serta hakikat-hakikat alam dan syariat yang menyentuh kegiatan lelaki dan wanita berdasarkan manhaj rabbaniy dalam kehidupan.

Zaman Rasulullah S.A.W. adalah zaman ikutan dan teladan. Zaman Islam diturunkan ke alam realiti. Pada zaman tersebut, kegiatan manusia dikawal oleh kaedah-kaedah syarak sepenuhnya. Oleh itu, kita tidak mungkin dapat memahami sistem kemasyarakatan Islam serta peranan kaum wanita dalam menjalani kehidupan kecuali melalui pengarahan-pengarahan nabawiy dan sirah Rasulullah S.A.W.. Melalui kedua-duanya juga kita boleh memahami kegiatan muslimah dalam menuntut ilmu, aktiviti kemasyarakatan, khidmat masyarakat, sama ada ketika gembira atau duka, ketika serius atau jenaka, ketika perang atau riang. Ini akan memberikan gambaran yang jelas tentang zaman Rasulullah S.A.W. yang merupakan contoh teladan yang seharusnya diikuti dan dilaksanakan dalam realiti kehidupan.

Tulisan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian mukadimah mengandungi konsep amal salih, kepentingan tulisan bercorak sejarah bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, konsep khidmat masyarakat dan definisi serta perbandingannya dengan metodologi Barat. Kemudian dijelaskan tentang penegakan Negara Islam di Madinah serta institusi-institusinya yang bertitik tolak dari masjid dan perkara yang berkait rapat dengannya. Contohnya ialah institusi masjid serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan, institusi pendidikan serta beberapa fenomena yang berkaitan serta institusi kemasyarakatan yang meliputi cabangnya dan aktivitinya yang pelbagai.

Kemudian diterangkan pula peranan ketamadunan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam bidang khidmat masyarakat dalam beberapa paksinya:

Paksi Pertama: Mengandungi perbincangan tentang penubuhan dan pembentukan institusi-institusi khidmat masyarakat dan aktiviti-aktivitinya.

Paksi Kedua: Pembiayaan projek-projek institusi kemasyarakatan dan selainnya. Seterusnya natijah dan kepentingan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam khidmat masyarakat pada zaman Rasulullah S.A.W.. Ia kemudiannya dibandingkan dengan realiti khidmat masyarakat yang dilakukan hari ini. Seterusnya diuraikan beberapa

kaedah tertentu untuk melibatkan diri dalam khidmat masyarakat. Bentuk-bentuk khidmat masyarakat yang wujud pada zaman awal tersebut dianggap sebagai fasa perletakan asas dan prinsip umum bagi aktiviti kemasyarakatan. Lebih-lebih lagi ia adalah permulaan kepada pembinaan institusi-institusi tersebut secara berperingkat-peringkat melalui realiti yang dialami dan keperluan semasa.

Saya bermohon kepada Allah S.W.T. agar terdapat pembaharuan dalam tulisan ini menerusi pembentangannya yang sistematik. Seterusnya ia mempersebahkan pengalaman khidmat masyarakat yang telah dilaksanakan. Tulisan ini juga bertujuan mempersebahkan khazanah sejarah yang kaya kepada mereka yang prihatin. Mereka terdiri daripada kalangan para pakar kemasyarakatan, pendakwah, reformis dan pengkaji tamadun yang memperolehi nyawa dan kehidupannya daripada syariat Islam yang diturunkan oleh Allah Yang Maha Hidup, Berdiri Sendiri, Maha Halus lagi Maha Mengetahui. Firman Allah S.W.T.:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ حَلَقَ وَهُوَ الْلَّطِيفُ الْخَبِيرُ

"Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Dia Maha Halus urusan Pentadbiran-Nya, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!" (al-Mulk: 14)